



Headline	Lepasan Mara penuhi pasaran kerja		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	18 May 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	14	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 620
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,860

Lepasan Mara penuhi pasaran kerja

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8851231950&z=1600249527](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8851231950&z=1600249527)

SEREMBAN 18 Mei - Permintaan pasaran kerja terhadap lulusan institusi pengajian tinggi Mara meningkat setiap tahun sekali gus melonjakkan pasaran tenaga kerja yang dihasilkan agensi itu. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi Mara, Khairul Izwan Ibrahim berkata, institusi pendidikan Mara adalah peneraju dalam bidang pendidikan teknikal manakala kursus pengurusan dijalankan secara hands-on. "Ini menjadi lulusan institusi pengajian tinggi Mara sentiasa mendapat perhatian daripada pasaran kerja. "Malah ramai di antara mereka yang ditawarkan kerja pada tahun akhir pengajian," katanya ketika ditemui di Festival Hari Guru 2013 di Kompleks Belia dan Sukan, Paroi dekat sini hari ini. Menurutnya, Mara menawarkan pengajian tinggi di beberapa institusinya seperti Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM), Institut Jerman-Malaysia (GMI), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Profesional Mara (KPM) dan Kolej Mara. Katanya, agensi kerajaan itu sentiasa mengadakan kerjasama dengan sektor perindustrian bagi melahirkan pelajar yang memenuhi keperluan industri. Beliau menarik perhatian, Mara turut menawarkan pendidikan percuma untuk pelajar diploma di KPM dan KKTM dengan yuran pengajian dibiayai oleh agensi tersebut. "Malah mereka turut diberikan wang saku sepanjang tempoh pengajian tersebut," ujarnya.